

Bila perlu risau kesan sampingan ubat?

31/10/2026 | 2:26 PM - 25 - PERSPEKTIF

KATA KUNCI

kesan ubat ubat

BERITA TERKINI



Usia 81 tahun genggam PhD,...

2 November 2026 10:26 am



Foto hiasan

SAUDARA PENGARANG

RINGKASAN BERITA AI

Ubat mempunyai manfaat dan risiko; keputusan perlu menimbang sejauh mana kesan berbanding manfaat rawatan.

Kesan sampingan tidak semestinya berbahaya; kebanyakannya ringan, bergantung dos, dan kadang kala membuka kegunaan baharu ubat.



Juruteknik maut selepas...

2 Nove
2026 10:21 am



Kertas undi pos Bukit Katil...

2 November
2026 9:58 am



Antonelli cipta sejarah juara...

2 November
2026 9:47 am



Di sebalik pintu universiti, tersira...

2 November
2026 9:46 am



Belum dikurniakan...

2 November
2026 9:43 am

Toksisiti boleh berlaku walaupun pada dos biasa apabila fungsi organ terganggu; warga emas dan polifarmasi berisiko lebih tinggi.

Jika mengalami perubahan selepas ubat: catat gejala, jangan ubah dos sendiri, bawa senarai ubat, dapatkan bantuan segera jika serius.

Selepas makan ubat selesema, mata mula terasa berat. Seorang lagi pesakit yang baru memulakan ubat tertentu pula berasa loya.

Ada juga yang mendapati tubuhnya terasa berbeza selepas dos ubat dinaikkan. Reaksi pertama kita mungkin sama, “Ubat ini tak sesuai dengan aku.”

Ada yang terus berhenti mengambil ubat. Ada yang mengurangkan dos sendiri, manakala sebahagian lagi memilih untuk bertahan kerana menganggap semua kesan sampingan mesti diterima.

Hakikatnya, kesan selepas mengambil ubat tidak semuanya membawa maksud yang sama. Ubat diberikan kerana mempunyai manfaat tertentu.

DISYORKAN

Di sebalik pintu universiti, tersirat amanat pendidikan

Belum dikurniakan zuriat, jangan sampai cinta terlerai

Adakah mereka turut merasai kebaikan kita?



Penduduk DUN Pengkal…

2 Nove… 2026 9:36 am



Gempa bumi magnitud 5.1 di…

2 November 2026 9:25 am



Nahas tren Sepanyol: Empa…

2 November 2026 9:24 am



Tiada kawasan catat IPU tidak…

2 November 2026 9:13 am

GP Malaysia labuhkan tirai,…

1 November 2026 9:20 pm

MESTI BACA

MS

Generasi sandwich dan masa depan kesejahteraan keluarga Malaysia

Namun, selain kesan yang dikehendaki, ubat juga boleh menghasilkan kesan yang tidak diingini.

Dalam farmakologi, tindak balas yang memudaratkan atau tidak menyenangkan berkaitan penggunaan ubat dikenali sebagai reaksi advers ubat atau *adverse drug reaction*.

Ubat Membawa Manfaat Bersama Risiko

Tiada ubat yang benar-benar bebas daripada risiko. Prinsip penting dalam penggunaan ubat ialah menimbang manfaat rawatan dengan kemungkinan mudarat.

Kesan tertentu mungkin boleh diterima apabila manfaat rawatan jauh lebih besar, tetapi kesan yang sama mungkin tidak munasabah dalam keadaan yang lain.

Contohnya, sesetengah ubat antihistamin boleh menyebabkan rasa mengantuk. Bagi seseorang yang mengambilnya untuk simptom ringan tetapi perlu memandu jauh, rasa mengantuk itu boleh menjadi masalah keselamatan.

Sebaliknya, dalam rawatan penyakit serius seperti kanser, doktor dan pesakit kadangkala terpaksa menerima kesan sampingan yang lebih berat kerana manfaat rawatan yang ingin dicapai juga jauh lebih besar.


Jambatan baharu
1 Nove
9:02 pm


Kanak-kanak antara 8 korban...
1 November 2026
8:56 pm


Program Ziarah Kasih wajar jadi...
1 November 2026
7:41 pm


Nikah di luar negara, pastika...
1 November 2026
5:41 pm

Justeru, persoalannya bukan semata-mata, “Adakah ubat ini mempunyai kesan sampingan?” Sebaliknya, kita perlu bertanya, “Sejauh mana kesannya dan apakah manfaat yang kita peroleh daripada rawatan ini?”

MS

Kesan Sampingan Tidak Semestinya Berbahaya

Kesan sampingan lazimnya boleh dijangka berdasarkan bagaimana sesuatu ubat bertindak dalam tubuh. Ia sering berkait dengan dos dan kebanyakannya lebih ringan berbanding reaksi yang serius.

Antihistamin tertentu, misalnya, boleh menyebabkan mengantuk. Sesetengah ubat tekanan darah pula boleh menyebabkan pening, manakala ubat lain boleh menimbulkan loya atau mulut kering.

Menariknya, sesuatu kesan yang pada mulanya dianggap tidak diingini juga boleh membuka jalan kepada kegunaan baharu sesuatu ubat.

Minoxidil, misalnya, pada asalnya digunakan sebagai ubat tekanan darah tinggi tetapi didapati menyebabkan pertumbuhan rambut. Kesan tersebut kemudiannya dimanfaatkan dalam rawatan keguguran rambut.

Ini menunjukkan bahawa istilah “kesan sampingan” tidak semestinya bermaksud “bahaya”. Namun, keadaan berubah apabila kesan ubat mula mengganggu fungsi tubuh, memerlukan perubahan rawatan atau mengancam keselamatan pesakit.

Dos Biasa Boleh Menjadi Terlalu Banyak

MS

Ketoksikan ubat pula boleh berlaku apabila tindakan farmakologi menjadi berlebihan, termasuk akibat dos berlebihan, penggunaan yang lama atau keadaan tubuh yang menyebabkan ubat terkumpul.

Dos yang sesuai untuk seorang individu belum tentu sesuai untuk semua orang. Sebagai contoh, fungsi buah pinggang yang lemah boleh menyebabkan sesetengah ubat sukar disingkirkan daripada badan.

Akibatnya, dos yang biasanya digunakan boleh menghasilkan paras ubat yang terlalu tinggi. Reaksi ubat juga lebih kerap berlaku dalam kalangan warga emas dan mereka yang menggunakan pelbagai ubat.

Sebab itu doktor dan ahli farmasi perlu mengetahui semua ubat yang sedang diambil, termasuk ubat daripada klinik berbeza, ubat tanpa preskripsi dan produk kesihatan tertentu.

Tidak Semestinya Berlaku Selepas Pil Pertama

Satu lagi salah faham ialah menganggap reaksi ubat hanya berlaku sejurus selepas ubat ditelan. Ada reaksi yang muncul dengan cepat, tetapi ada juga yang hanya kelihatan selepas penggunaan berpanjangan.

Sesetengah kesan pula boleh berlaku lewat. Di Malaysia, pemantauan keselamatan ubat diteruskan walaupun sesuatu ubat sudah berada di pasaran.

Jawatankuasa Penasihat Kesan Advers Ubat Kebangsaan (MADRAC) bawah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) menerima laporan kejadian yang disyaki berkaitan ubat dan vaksin untuk dinilai bagi mengesan corak atau isyarat keselamatan.

MS

Namun, satu perkara perlu difahami. Laporan tersebut ialah kejadian yang disyaki berkaitan produk dan tidak bermaksud semua kejadian itu telah terbukti disebabkan penggunaan ubat berkenaan.

Maklumat tersebut dinilai bagi mengesan corak atau isyarat keselamatan yang mungkin memerlukan penelitian lanjut.

Apa Tindakan Pengguna

Apabila mengalami sesuatu perubahan selepas mengambil ubat:

1. Jangan panik. Catat gejala yang berlaku dan bila ia bermula.
2. Jangan ubah dos sendiri. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi terlebih dahulu.
3. Bawa senarai semua ubat. Ini penting terutama jika mendapatkan rawatan di beberapa fasiliti.
4. Baca label dan arahan ubat. Ketahui kesan yang lazim dijangka.
5. Dapatkan bantuan segera jika gejala serius.

Sesak nafas, pengsan, bengkak muka atau tekak, sawan dan kemerosotan keadaan yang mendadak memerlukan perhatian segera.

Ubat bukan musuh. Sebahagian besar ubat diberikan kerana manfaatnya melebihi risiko apabila digunakan dengan betul.

Namun, pengguna juga tidak sepatutnya menganggap setiap perubahan selepas mengambil ubat sebagai perkara remeh.

Mengetahui kesan yang dijangka, mengenali perubahan yang luar biasa dan mendapatkan nasihat apabila ragu-ragu merupakan sebahagian daripada penggunaan ubat yang selamat.

Dalam soal ubat, matlamatnya bukan mencari rawatan yang langsung tidak mempunyai risiko. Matlamatnya ialah mendapatkan manfaat yang terbaik dengan risiko yang serendah mungkin.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Dr Mohd. Fadly Mohd. Noor
Pensyarah Farmakologi di Kulliyyah Perubatan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

MS


Inisiatif Kerajaan MADANI memajukan institusi pondok dan turath

Generasi Strawberi: Mereka yang lemah atau kayu ukur kita yang ...




PALING POPULAR

Jet peribadi terhempas, timbalan menteri dan empat maut



Iran berjaya bedil USS Abraham Lincoln



MS

Berita Ehwal Semasa

Berita RTM, Wisma Berita,
Angkasapuri Kota Media,
50614 Kuala Lumpur

: +60322823119
: portalberita@rtm.gov.my
: Aduan & Maklum balas

Hak Cipta Terpelihara @ 2026 Radio Televisyen Malaysia, Berita Ehwal Semasa (BES)

Hak Cipta | Penafian | Polisi Keselamatan

Pihak Portal Berita RTM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini.